



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# THE **DOCTORAL** **RESEARCH ABSTRACTS**

Volume: 11, Issue 11

April 2017

## ELEVENTH ISSUE

INSTITUTE of GRADUATE STUDIES

IGS Biannual Publication

# ACADEMY OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES

65

Name : MOHD. HAPIZ BIN MAHAIYADIN

Title : AL-DARURAH AL-SYAR<sup>C</sup>IYYAH DAN APLIKASINYA DALAM PENGGUNAAN MUHARRAMAT MASA KINI

Supervisor : PROF. DR. MUHAMAD RAHIMI OSMAN (MS)

ASSOC. PROF. DR. MOHD DANI MUHAMAD (CS)



Pelbagai produk gunaan hari ini tidak bebas sepenuhnya daripada unsur haram (*muharramat*) dalam bentuk asal ataupun derivatifnya, secara langsung atau tidak langsung. Terdapat empat sumber sebagai fokus *muharramat* dalam kajian ini iaitu gelatin, plasma darah, alkohol dan gliserin, sering digunakan dalam keperluan industri makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Sebagai pengguna paling ramai di Malaysia, umat Islam terpaksa menghadapi fenomena tersebut dengan berhati-hati atau menggunakan beberapa produk tersebut atas sebab *darurah*. Prinsip *darurah* merupakan suatu *rukhsah* syarak bagi menyelamatkan nyawa dan pelbagai *daruriyyat al-khams* pengguna disebabkan ketidaan alternatif halal, penyakit, kebuluran, paksaan, pertahanan diri dan kesulitan umum yang sukar dielak (*cumum balwa*). Kajian ini ingin menganalisis konsep *al-darurah al-syar'iyyah* secara terperinci di samping menditilitkan jenis-jenis *muharramat* dan perbezaan kedudukan hukum serta kesannya terhadap penggunaan ketika *darurah*. Pada dasarnya, penggunaan *muharramat* memerlukan suatu panduan sistematik disebabkan kepelbagaiannya jenis haram dalam ketiga aspek penggunaan di atas menampilkan bentuk aplikasi *darurah* yang berbeza. Sesuai dengan sifat sebuah kajian kualitatif, landasan teori *darurah* dan *muharramat* dibina berdasarkan telaah kritis terhadap kitab-kitab fekah, usul fekah dan kaedah fekah berautoriti daripada empat mazhab muktabar termasuk Zahiriyyah. Dua intrumen

penting iaitu *istihalah* dan *ihtiyat* turut disentuh kerana penerimaan aplikasi *istihalah* memberikan impak positif terhadap ruang penggunaan pelbagai produk farmaseutikal moden khususnya. Seterusnya mekanisme aplikasi *darurah* dapat direkonstruksi ke dalam sebuah model lebih berstruktur untuk menjustifikasi keadaan *darurah* selain menjadi panduan penggunaan *muharramat* kepada pengguna Islam setempat. Berdasarkan model tersebut, sesuatu kes *darurah* dinilai dengan tiga parameter utama ; penentuan tahap kesulitan, jenis *muharramat* dan heraki penggunaannya, serta kesan haram terhadap *daruriyyat al-khams* pengguna. Beberapa senario *darurah* telah dianalisis. Terdapat sebahagiannya diiktiraf sebagai *darurah* dan sebahagian lagi tidak. Bagi senario *darurah*, pengguna dibenarkan memakan, menerima rawatan atau menjalani pembedahan yang menggunakan sumber haram ataupun derivatifnya mengikut Jadual Hirarki *Muharramat* Daripada Minimum kepada Maksimum. Kajian ini turut mengemukakan beberapa saranan kepada para pengguna Islam, pihak industri dan pihak kerajaan tentang langkah-langkah efektif ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang berorientasikan '*Halal Business and Trading Culture*'. Budaya ini sepatutnya menjadi teras kepenggunaan *halalan tayyiban* yang menjamin sekuriti produk gunaan domestik dalam setiap rantaian penghasilannya daripada pencemaran unsur *muharramat*.